

Penunggang basikal perlu jadi pengguna bijak

Berita Harian (Kemuning) 19/9/20 (Jumaat) m/s 71

Kini, sukan berbasikal menjadi trend semasa di negara ini, khususnya selepas rakyat boleh melakukan aktiviti bersukan tanpa sentuhan hingga ada yang sanggup berbelanja beribu-ribu ringgit untuk membeli basikal baharu mahupun terpakai.

Jika dilihat pada hujung minggu, banyak kumpulan berbasikal mengadakan konvoi di jalan raya. Ada memulakan aktiviti dari terbit matahari hingga ke tengah hari menaiki bukit, meredah hujan dan panas hingga merentasi negeri.

Sukan berbasikal memberikan banyak manfaat kesihatan seperti mengurangkan berat badan dan mengurangkan tekanan darah, selain secara

umumnya kurang risiko kecederaan terhadap anggota badan seperti ligamen dan tendon berbanding aktiviti berlari dan futsal.

Namun, terdapat beberapa isu berkaitan sukan berbasikal harus dititikberatkan sama ada mereka yang sudah lama atau baru berjinak-jinak.

Pertama, isu harga basikal semakin melambung. Berdasarkan prinsip ekonomi apabila ada permintaan di situah ada bekalan. Permintaan basikal *mountain bike* atau *road bike* mendapat permintaan luar biasa di pasaran.

Di kedai, tiada lagi stok basikal. Ada yang menempah basikal terlebih awal dengan membayar deposit, manakala basikal terpakai juga mendapat sambutan tinggi hingga ada yang untung beribu-ribu ringgit dengan menjual basikal terpakai dengan harga lebih tinggi kerana permintaan melambung.

Justeru, pengguna perlu bijak membuat keputusan untuk membeli basikal

pada ketika ini. Sesetengah pembeli hanya membeli basikal disebabkan pengaruh rakan sekerja dan jiran.

Mereka membeli bukan untuk tujuan bersukan, sebaliknya tidak mahu dilabel ketinggalan trend terkini. Malah, ada yang tidak pernah atau jarang bersukan tetapi membeli basikal kerana pengaruh rakan.

Pembelian basikal tidak dirancang boleh menyebabkan pembeli terperangkap dalam hutang. Lebih-lebih lagi dalam situasi pandemik COVID-19 yang masih belum reda.

Ada pembeli menggunakan lebihan wang moratorium diberikan institusi kewangan. Jika sebulan mereka mampu mendapat lebihan RM1,000 atau lebih, mereka mampu membeli basikal berharga RM3,000 hingga RM4,000 dalam tempoh tiga atau empat bulan sahaja.

Lebih parah, jika ada membeli secara hutang atau ansuran. Mereka ini sebenarnya membeli basikal di luar kemampuan kewangan. Seperti juga kereta, basikal mempunyai aksesori dan peralatan tambahan membabitkan kos.

Apabila menyertai konvoi, akan ada pengayuh lain menggunakan spesifik

si basikal lebih tinggi. Ini akan menyebabkan sesetengah pengguna berhasrat menaik taraf bagi menyaingi rakan mereka, sekali gus menyebabkan perbelanjaan tidak dirancang berlaku.

Ini jugalah menyebabkan harga basikal melambung secara mendadak dan menganggu mereka yang sebenarnya ingin memiliki basikal.

Harga basikal dijangka akan turun pasca moratorium. Bagi mereka yang mampu bersabar, disarankan untuk menunggu hingga tamat moratorium apabila ramai pemilik basikal akan menjual basikal mereka. Pada masa sama, mereka yang membeli basikal haruslah berterusan bersukan dan bukan sekadar hangat-hangat tahi ayam.

Isu kedua berkaitan keselamatan jalan raya seperti yang dipaparkan di media mengenai kemalangan maut membabitkan penunggang basikal.

Ada penunggang basikal tidak mematuhi peraturan jalan raya. Antara faktor penyebab, kebanyakan penunggang masih baharu dan belum mahir mengendalikan basikal di jalan raya.

Disebalkan sesuatu kumpulan orang yang mengamalkan gaya penunggang lama dan baha-

ru, akan ada jurang jarak antara mereka. Ia akan mengakibatkan kesesakan trafik apabila kumpulan berbasikal ini memasuki jalan raya sibuk.

Kenderaan lain seboleh-bolehnya akan menghormati penunggang basikal dan memberikan ruang tetapi trafik akan menjadi perlahan jika terdapat jumlah basikal banyak pada satu-satu masa di jalan raya.

Kurang pengalaman dalam berbasikal menyebabkan ada penunggang se-suka hati termasuk menggunakan lebuhraya utama. Hakikatnya, pengguna lebuhraya kadang kala memandu lebihlah raya kadangkala ditamatkan. Penunggang basikal harus sedar tidak kira salah sendiri mahupun kenderaan lain, risiko kecederaan dan maut 'memihak' kepada mereka.

Selain itu, penunggang basikal bergerak secara berkumpulan besar boleh menghalang lalu lintas dan menyebabkan risiko kenderaan lain merempuh hingga mengakibatkan kemalangan serius.

Diaku, tujuan menunggang basikal asalnya baik untuk kesihatan dan merapatkan silaturahmi, namun apabila peraturan jalan raya tidak dipatuhi akan menyebabkan pemandu kenderaan lain tidak senang dan merungut terhadap penunggang basikal yang menggunakan jalan utama.

Pasti ada pemilik kenderaan memperitakannya mengapa harus 'disantuni' penunggang basikal yang tidak membayar cukai jalan, sedangkan mereka membayarnya saban tahun. Oleh itu, haruslah diingati, berbasikal tidak salah namun kita perlu menjadi pengguna bijak.



Berbasikal memberikan banyak manfaat kesihatan.

(Foto hiasan)



Dr
Muhammad
Ashraf Fauzi

Penulis adalah Pensyarah Kanan,
Fakulti Pengurusan Industri,
Universiti Malaysia Pahang